

# TRANSCRIPT

## FOCUS GROUP INTERVIEW

### AUDIENCE RECEPTION ON ANIMATION IN MALAYSIA

#### GROUP 1: YOUNG ADULTS

ASSISTANT: AMIR HUSAINI

- Moderator: Assalamualaikum w.b.t. Focus Group ni seperti yang telah saya jelaskan tadi adalah bertujuan untuk memahami resepsi penonton terhadap animasi tempatan. Jadi boleh kita mulakan dengan mengenali antara satu sama lain. Nama saya Mohd Amir Mat Omar dari Jabatan Pengajian Media. Boleh mula daripada cik. Nama dan boleh bagitau apa animasi tempatan yang cik pernah tonton.
- Muamnah: Nama Muamnah. Animasi tempatan, animasi Upin Ipin dan Boboiboy.
- Moderator: Upin Ipin, Boboiboy ya? Dan cik?
- Hanis: Hanis.
- Moderator: Hanis? Pernah tengok animasi apa ya?
- Hanis: Samalah dengan Amnah.
- Moderator: Sama ya.
- Afify: Afify. Upin Ipin dengan Boboiboy jugalah.
- Izzat: Saya Mohd Izzat. Saya tengok cerita Upin Ipin, Boboiboy dengan Usop Sontorian.
- Naqsyabandi: Saya Naqsyabandi. Yang semua itu saya tengoklah. Yang paling saya ingat dulu Yokies.
- Moderator: Yokies ya?
- Naqsyabandi: Ya. Minat betul.
- Hafiz: Nama saya Hafiz. Saya samalah tengok Upin Ipin dengan Boboiboy.

Rasul: Saya Mohd Rasul. Antara animasi tempatan yang telah saya tonton Keluang Man, Usop Sontorian, Upin Ipin. Boboiboy ni saya tak tengoklah.

Moderator: Keluang Man, Usop Sontorian, Upin Ipin?

Rasul: Ha. Ya.

Shafiee: Assalamualaikum. Nama saya Mohd Shafiee. Hampir kesemua yang dicakap tadi saya dah tonton. Tambah satu lagi, mungkin Jaguh Kampung kot. Yang bolasepak tu.

Moderator: Tu Bola Kampung kot?

Shafiee: Ha. Bola Kampung lah. Sorry. Lebih kurang gitulah.

Moderator: Dari mana sebenarnya tuan-tuan dan cik-cik ni tahu tentang animasi itu? Macam Nampak dalam tv ke, orang cerita ke?

Afify: Iklan.

Hanis: Internet.

Hafiz: Laman web sosial.

Izzat: Pengaruh rakan-rakan.

Shafiee: Tapi, paling besar televisyen lah.

Moderator: Televisyen ya? Tengok sendiri?

Rasul: Iklan dan juga televisyen.

Moderator: Pandangan atau first impression? Rasa macam mana? Mula-mula tengok?

Afify: Menarik la kot. Dia punya... apa namanya? Cara penyampaian tu, lepas tu, maksudnya macam tak sangkalah macam tempatan punya production boleh keluarkan cerita-cerita macam itu which is as good as international punya production.

Moderator: Yang tu refer kepada animation mana agaknya?

Afify: Upin Ipin lah kot.

Moderator: Apa yang cik suka tentang animasi tempatan? Apa yang best?

Muamnah: Sesuai dengan persekitaran.

Shafiee: Budaya. Budaya.

Muamnah: Sesuai dengan masyarakat kita.

Moderator: Ada lagi?

Afify: Banyak pengajaran untuk budak-budak. Banyak mesej yang boleh disampaikan.

Hanis: Banyak moral of the story.

Moderator: Yang tak best pulak? Ada apa-apa yang tak best tak? Yang mengecewakan?

Izzat: Ada. Macam budak-budak ni kan, diorang kalau nampak macam baju Upin Ipin, diorang nak beli. Kasut diorang nak beli.

Shafiee & Rasul: Pengaruh tu.

Moderator: Kenapa tak baik pulak tu? Bukan ke tu bagus untuk ekonomi ke?

Shafiee: Menghabiskan gaji mak bapak je.

Izzat: Yang sakitnya ibu bapa.

Moderator: Apa perbezaan yang ketara kalau nak dibandingkan animasi Malaysia dengan animasi luar negara seperti daripada Jepun dan Amerika Syarikat? Baik dan buruk, mana-mana sahaja. Dua-dua pun boleh.

Shafiee: Mungkin dari segi teknologi.

Aifify: Perbezaan ketaranya kalau macam anime Jepun banyak lawan-lawan, which is banyak member pengaruh buruk kepada budak-budak kot rasanya. Tu pun, nanti karang cerita banyak macam Sailormoon, Dragonball semua tu kan macam lawan-lawan. Then, macam Upin ipin, Boboiboy tu ada jugak lawan-lawan. Cumanya ada mesej yang ingin disampaikan di sebalik cerita animation yang dibuat untuk local production.

Moderator: Ada nak tambah apa-apa? Perbezaan animasi tempatan dan international?

Hanis: Dari segi kualiti gambar.

Moderator: Kualiti gambar yang mana lagi elok?

Hanis: Itupun setakat ni kita punya local animation tak boleh capai lagi, pada saya, kualiti yang setaraf international punya la. Mesti ada sangkut-sangkut , ada yang nampak cacat celanya

lagi. Tapi, its good sekarang ni kalau ikutkan Upin Ipin nak dibandingkan dengan Usop Sontorian yang awal-awal dulu kan macam kaku kan? Keluang Man apa semua tu, tapi kalau tengok Upin Ipin, Boboiboy macam dah cantik sikit la sekarang ni.

Moderator: Apa pula pandangan anda tentang animasi tempatan? Your first impression?

Hafiz: Kalau nak dibandingkan, yang dulu-dulu punya agak kurang menarik lah tengok. Macam Usop Sontorian. Kalau sekarang, first impression tengok tu, dia punya iklan tengok pun dah menarik.

Moderator: Apa yang menarik tu? Boleh bagi keterangan yang lebih lanjut?

Hafiz: Dia punya gambar, jalan cerita dia macam lagi menarik.

Rasul: Pada saya, kalau kita tengok tarikan animasi Malaysia ni, tarikan utama dia, kekuatan dia lebih kepada jalan cerita animasi tersebut. Kalau kita tengok contohnya Usop Sontorian kita dulu, walaupun teknologi dia tidak secanggih sekarang, oleh disebabkan jalan ceritanya yang menarik sangat dekat dengan masyarakat Malaysia jadi cerita itu menarik untuk ditonton dan sentiasa ditunggu-tunggu. Lagi satu, macam sekarang, macam Upin Ipin, Upin Ipin pun jalan cerita dia kita tengok kan, kehidupan kanak-kanak di kampung, dan macam mana interaksi dia di kampung dengan bersama dengan rakan-rakan, itu yang menjadikan ia kekuatan animasi tempatan tu sendiri lah, pada pandangan saya.

Moderator: Tapi tidakkah dengan kematangan industri animasi di luar negara seperti di Jepun dan Amerika, mereka sebenarnya telah menghasilkan kandungan animasi yang lebih baik.

Rasul: Kalau kita fikir daripada sudut tu, kita tengok, apa orang kata, penonton punya ni, target. Mungkin yang barat punya ataupun Jepun, dia punya penonton dia lebih, jurang penonton dia lebih luas lah. Maknanya daripada kanak-kanak, dewasa sampai ke orang tua, jalan ceritanya mungkin lagi pelbagai berbanding dengan masyarakat di Malaysia, mungkin kurang sikit kot. Itu pandangan saya lah. Apa pula pandangan encik Shafiee?

Shafiee: Pandangan saya ah? Animasi Malaysia ni lebih kepada, apa orang kata, mengetengahkan ciri-ciri budaya kat Malaysia ni ah. Macam mana toleransi antara kaum. Mungkin kalau kita dapat tengok kat, seperti Upin dengan Ipin, Jaguh Kampung, eh, Bola

Kampung, Boboiboy, kita dapat tengok dia punya perbezaan daripada segi kaum, toleransi ah. Mungkin itu salah satu, katanya, orang kata, yang cuba diketengahkan, mungkin pun ditonjolkan kepada, mungkin pada orang luar. Contohnya kita punya kartun ni akan ke, apa orang kata, ke Indonesia kan. Mungkin. Upin Ipin pun dah jadi satu, orang kata fenomena dah dekat sana. Mungkin ke, dia punya apa, alih bahasa kan, tapi kita still nampak lagi la dia punya, apa yang dia nak sampaikan tu. Itulah pandangan saya.

Moderator: Tapi apa yang agak-agaknya pada pandangan anda lah, mengecewakan? Bila tengok animation Malaysia, of course ada yang kata ok, tapi ada, tentunya ada elemen-elemen yang anda rasa, 'Eh, saya tak suka!'. Encik Naqsyabandi?

Naqsyabandi: Tengah berfikir jap.

Moderator: Ke ada siapa-siapa yang nak kongsi?

Rasul: Perkara tu pada saya adalah subjektif. Setiap individu ada pandangan, persepsi yang berbeza lah. Kalau pada saya, saya tak suka kepada perkara yang ditiru ah. Maksud saya, tak de identiti sendiri. Macam, katakana, orang kata kalau ada kartun Transformers dekat barat kan, kat Malaysia cuba nak buat satu apa, cerita animasi yang berbentuk robot jugak. Ada, mungkin kurang menarik pada pandangan saya lah, orang lain saya tak pasti. Itu pandangan saya.

Moderator: Ada Encik Hafiz nak tambah? Apa yang agak-agaknya Encik Hafiz tak suka dengan animation Malaysia?

Hafiz: Saya bersetuju dengan pendapat Encik Rasul tentang meniru tu lah. Kalau boleh, animasi Malaysia buat identity sendiri lah supaya menunjukkan animasi tu daripada Malaysia lah. Seperti apa, Dragonball lah, kita nampaklah identiti tu daripada apa, Jepun. Kat Malaysia, kalau boleh, tonjolkan ciri-ciri Malaysia lah.

Naqsyabandi: Saya tambah ya?

Moderator: Ya.

Naqsyabandi: Bagi saya, yang paling macam kurang minat lah, sebab variety. Variety kat Malaysia ni, kalau tengok kan, cerita animasi, kalau macam kartun, dia ada macam cerita pasal kampung, cerita pasal macam Keluang Man tu, itu je yang ada. Tapi kalau kita tengok dekat oversea punya, sampai ke makanan pun diorang

boleh buat cerita. Ada kartun pasal kuih, ada kartun pasal orang lukis komik, semua ada lah. Tapi Malaysia belum lagi. Ha, itu je.

Moderator: Apa yang membezakan sebenarnya animasi Malaysia ni dengan animasi luar negara?

Shafiee: Mungkin dari segi teknologi lah. Itu mungkin apa yang kita dapat tengok, dengan orang kata, benda pertama yang kita dapat lihat lah. Saya rasa dari segi teknologi.

Moderator: Apa yang membuatkan animasi Malaysia ni unik?

Hafiz: Bahasa Melayu.

Moderator: Bahasa Melayu?

Rasul: Bahasa lah. Bahasa. Bahasa.

Moderator: Bahasa tu betul. Ada lagi?

Hafiz: Suara. Suara animation tu.

Moderator: Suara orang Malaysia?

Hafiz: Ha. Suara orang Malaysia.

Moderator: Ada beza ke?

Hafiz: Ada beza.

Rasul: Ada orang Jawa dalam tu. Suara dia lain.

Moderator: Dari segi lain? Dari segi estetika dalam watak dia? Saya bagi contoh je la. Kalau animasi Amerika hidung dia mancung, kalau di Malaysia, hidung dia tak mancung macam orang putih lah. Itu contoh lah. Ada dari segi jalan cerita tu sendiri, ada yang nampak lain ke?

Izzat: Macam Upin Ipin lah. Tengok dia punya watak dia agak punya watak dia dengan dia punya animasi, rasa macam terlampau unik. Macam Usop Sontorian pun, rasa dia punya gambar pun kalau tengok, dia bukan orang sebenar. Tengok daripada macam hidung dia pun lain kan? Macam Upin Ipin, dia punya rupa dia memang kepala dia besar. Lepas tu dia punya badan dia kecil.

Moderator: Tapi Jepun, dia punya animation dia rambut warna purple?

Shafiee: Mungkin salah satu daya tarikan kot.

Rasul: Tak. Kita, mungkin kita tak nampak lagi animasi tu, apa, tonjolan tu kita tak nampak lagi. Mungkin ambik masa sikit kot. Sebab macam Jepun semua dengan yang, dengan watak mata besar lah apa semua tu kan. Mungkin sebab diorang dah lama develop.

Naqsyabandi: Dah lama develop dia tu.

Rasul: Malaysia setakat ni saya tak nampak lagi lah apa benda dia punya trademark, orang kata, yang nak menggambarkan kartun Malaysia selain daripada bahasa.

Moderator: Jadi kalau sekali tengok, katalah tak de suara, rasanya boleh identify tak? Rasanya boleh cam tak 'Ha, ni kartun daripada Malaysia'?

Shafiee: Mungkin boleh, sebab apa yang saya katakana awal-awal tadi lah. Kalau Malaysia ni orang kata, kalau kita tengok mula-mula dekat kaum lah. Tu lah. Mungkin kita boleh bezakan yang ni India, yang ni Cina, ni Melayu. Sebab memang boleh beza lah. Kalau kita tengok kartun Malaysia ni, contoh memang Upin Ipin tu, Bola Kampung tu memang kita dapat tengok interaksi antara, orang kata, tiga kaum utama ni memang kita boleh nampak ni kartun Malaysia. Gitulah, bagi saya lah. Tak tau la pendapat orang lain kan.

Naqsyabandi: Identiti jugak tu.

Shafiee: Identiti kan? Salah satu lah.

Naqsyabandi: Sepanjang daripada dulu lagi, semua cerita ada kaum.

Moderator: Kepelbagaian kaum la ya?

Shafiee: Ha.

Rasul: Mungkin benda tu boleh diterapkan dalam setiap animasi yang ada kat Malaysia supaya dia jadi satu, create satu identiti lah untuk animasi Malaysia.

Moderator: Saya nak tanya, jadi setakat anda semua dah tengok animasi Malaysia, sejauh manakah animasi Malaysia telah mengubah kandungan media yang tuan-tuan tonton? Adakah dengan bila dah tengok animasi Malaysia ni, rasa nak tengok lagi. Jadi bila dah tengok Upin Ipin, nak tengok Boboiboy pulak. Ataupun, bila dah tengok satu, dua animasi, tak nak tengok dah. Nak tengok, apa, kandungan lain lah. Nak tengok Imam Muda ke, macam mana?

Naqsyabandi: Lepas tengok Upin Ipin the movie tu, tu first time jugak la tengok cerita Melayu yang macam tu kan. Memang menunggu-nunggu lah kalau ada yang kedua.

Moderator: Adakah anda, bila dah tonton, rasa nak tonton lagi ke, ataupun tak?

Izzat: Banyak kata, kita tonton, kita just, bukan kita personal. Kita ikut adik ke, kan. Sebab diorang yang ajak kita.

Shafiee: Secara tak langsung lah. Kadang-kadang, adik tengok depan TV, kita tengok sekali. Kadang-kadang, lepas tu akan timbul lah, mungkin, 'Eh, best jugak ek menatang ni, kartun ni'. Gitu kan. Cam tu lah. Mungkin akan, biasanya lah, walaupun dah besar, akan rasa, 'Eh, nak tengok lagi lah rancangan ni nanti'. Gitu lah.

Moderator: Jadi kalau nak dibandingkan, kata selepas tengok, selepas menonton animasi Malaysia, ada rasa nak tonton lagi tak dibandingkan dengan animasi luar negara?

Bandi: Sama je.

Muamnah: Sama.

Rasul: Sama je. Sebab dia, kita, tula, bergantung kepada jalan cerita dia. Kalau jalan cerita dia menarik untuk ditonton dan menyebabkan penonton sentiasa rasa tertunggu-tunggu untuk menunggu, apa, untuk menonton episode seterusnya, ha itu boleh jadi lah, kalau jalan cerita tu menarik. Kalau jalan cerita tu kurang menarik, tak de point lah orang tu nak tengok lagi minggu depan, dah tahu tak menarik. Macam tu lah.

Naqsyabandi: Tak kisahlah dalam Negara ke luar Negara. Sama je.

Rasul: Sama je.

Hafiz: Jalan cerita penting.

Rasul: Jalan ceritanya.

Moderator: Sejauh mana anda setuju ataupun tak setuju dengan cara, ataupun dengan gambaran yang ditunjukkan oleh animasi tempatan tentang Malaysia? Sejauh mana anda setuju ataupun tak setuju bagaimana Malaysia digambarkan menerusi animasi tempatan.

Shafiee: Setuju lah.



Hafiz: Setuju.

Izzat: Setuju.

Naqsyabandi: Setuju lah.

Rasul: Ada orang kata, sebab kalau kita tengok Upin Ipin tu, dia lebih kepada, dia gambarkan Malaysia ni macam kampung. Mungkin ia akan menyebabkan persepsi orang luar kalau tengok, mungkin dia anggap Malaysia ni hanya kampung sahaja. So kalau boleh, apa, mungkin kartun-kartun seterusnya gambarkan secara menyeluruh lah, Malaysia ni. Macam tu lah. Tapi, Malaysia ni uniknya kampung lah. Dan kaum, dan keperlbagaian kaum. Itulah uniknya Malaysia ni, so tak salahlah nak tonjolkan.

Moderator: Ada apa-apa benda-benda lain, kot-kotlah saya bagi contoh kan, ditunjukkan kain batik sedangkan Indonesia marah bila kita kata batik tu sebahagian daripada budaya kita? Adakah kita rasa salah, ataupun mungkin ada objek-objek lain, ataupun ada perkara-perkara lain yang anda rasa anda tak setuju?

Shafiee: Rasanya tak de.

Rasul: Setakat ni tak de apa lagi lah. Sebab isu-isu macam tu pada pandangan saya terlalu remeh dan, pada pandangan saya lah terlalu remeh untuk difikirkan.

Naqsyabandi: Kalau diorang tak mintak macam tu pun, kita tetap pakai kain batik jugak. Sama je. Itu memang budaya kita jugak. Dalam kartun tu betul lah.

Izzat: Memang, kadang-kadang, diorang jadi isu. Diorang cakap benda tu memang pada diorang dulu kan, sedangkan yang sebetulnya, Malaysia dengan Indonesia lebih kurang sama je pada ciri diorang kan. Just yang bezanya, kat Malaysia ni, dia punya kaum ramai, etnik dia banyak kan. Macam tu lah.

Moderator: Maksud saya, timbulkan batik tu sebagai contoh je. Kot-kotlah ada benda lain yang tuan-tuan Nampak dalam tu yang kata, orang kata, 'Ini bukan budaya orang Malaysia', ataupun 'Ini bukan objek yang melambangkan Malaysia'.

Shafiee: Tak de lah.

Naqsyabandi: Bagi saya kartun ni dia imaginasi. Kalau nak katakan tak melambangkan Malaysia, Boboiboy tu, memang super power apa semua kan. Kalau kartun ni imaginasi apa-apa pun boleh.

Shafiee: Tak de masalah, tak?

Rasul: Dia tanpa batas, orang kata kan? Imaginasi.

Naqsyabandi: Tanpa batas, tanpa batas. Lagi mengarut lagi seronok sebenarnya.

Moderator: Jadi, boleh ke saya simpulkan bahawa rata-rata anda semua sebenarnya memang setujuah secara umumlah, setuju dengan bagaimana Malaysia digambarkan menerusi animasi lah?

Izzat: Setuju.

Hanis: Setuju

Muamnah: Setuju.

Shafiee: Setuju.

Rasul: Setuju.

Naqsyabandi: Setuju.

Moderator: Ok, kalaulah katakana ya, andaikata tuan-tuan diberi peluang lah untuk mengubah, apa- apa sahaja, apa sahaja dari A sampai Z tentang animasi tempatan, apa yang tuan-tuan dan cik-cik akan ubah tentang animasi tempatan ni.

Shafiee: Mungkin bak kata saudara Rasul tadi, kita pelbagaikanlah. Mungkin tak straight macam, macam Rasul cakap tadi, katalah, kartun Malaysia ni lebih tumpu kepada kampung. Nampak macam suasana kampung, mungkin kita akan jadikan jalan cerita tu lagi menarik lah. Mungkin aka nada suasana dandar, dengan, orang kata, keadaan, apa ni, teknologi-teknologi canggih kan. Macam tu lah.

Hafiz: Karakter-karakter:

Shafiee: Ha, karakter lagi.

Hafiz: Karakter, kalau boleh ubah karakter lah dalam animasi tu.

Moderator: Karakter macam mana tu?

Hafiz: Dalam Upin Ipin kan selalu, apa, tunjuk budak-budak kan. Boleh ubahsui karakter lain ke, supaya...

Moderator: Ye lah, nak mintak contoh lah, contoh karakter macam mana? Upin Ipin tu kanak-kanak. Karakter yang Encik Hafiz ni nak macam mana?

Hafiz: Karakter mengarut-ngarut sikit lah.

Izzat: Cerita Keluang Man.

Rasul: Kalau pada pandangan, ah, macam...

Hafiz: Tak de, tak de.

Naqsyabandi: Jangan malu, jangan malu.

Moderator: Luahkan je. Luahkan je.

Hafiz: Tak de idea.

Rasul: Kalau idea saya, saya rasa macam saudara Bandi kata tadi, kartun ni salah satu perkara fantasi imaginasi kita, so saya berharap satu hari nanti ada kartun yang menjadikan satu, sebagai sumber inspirasi kepada rakyat Malaysia lah. Contoh, kita ambil kartun sukan. Mungkin Malaysia boleh create satu kartun yang berkonsepkan sukan yang sangat menarik dan akan menyebabkan penonton yang menontonnya, apa orang kata, rasa tertarik, teruja dan secara tak langsung boleh meningkatkan mutu sukan negara lah.

Shafiee: Ha, betul.

Rasul: Contoh macam kat Jepun tu, Captain Tsubasa tu, itu fenomena sebenarnya kat Jepun dulu. Menyebabkan sampai satu tahap, bolasepak Jepun pada tahap ni. Ah, macam tu lah. Walaupun kartun tu Nampak macam simple, lari tak habis padang kan. Ha, macam tu lah ibaratnya. Boleh jadi satu sumber inspirasi kepada rakyat Malaysia.

Shafiee: Contohnya macam Anak-anak Sidek tu lah, macam mana cara bapak dia tu train anak-anak dia dengan semangat apa semua sampailah anak dia tu berjaya. Ni salah satu kita dapat tengok nilai-nilai moral daripada cerita tu disamping dia punya, orang kata, gaya hidup dia, apa dia lakukan sehari-harian, gitulah. Mungkin akan memberi kesan. Betul gak bak kata Rasul tadi.

Rasul: Macam Slam Dunk tu kan, fuhh.

Shafiee: Dia cukup menarik lah, orang kata, macam kalau budak-budak tengok kan, 'Ish, aku nak main lah benda alah ni'. Ha, mungkin kita akan dapat faedah dua dalam satu lah. Satu kita dapat tengok ni, satu lagi budak-budak akan minat nak main ni.

Rasul: Jangka-masa panjang kan?

Moderator: Tapi kan ada hari tu, macam yang saudara Shafiee kata tadi, Bola Kampung tu.

Shafiee: Ha, ye lah.

Moderator: Kesan dia macam mana yang setakat saudara tahu lah?

Shafiee: Kesan dia memang, orang kata, dapat menarik minat budak-budak lah. Kalau saya tengok dekat tempat saya tu, mungkin dia akan cakap 'Eh, aku nak main macam ni'. Karakter tu mungkin saya tak tau, tapi mungkin saya boleh banyangkanlah, apa dia cakap tu, eh, ini mesti ada kena-mengena dengan kartun yang dia tengok tadi. Ha, tu lah. Itulah saya punya pendapat.

Moderator: Izzat ada nak tambah? Apa agak-agaknya Izzat nak ubah bila tengok animasi tempatan ni? Ada apa nak ubah?

Izzat: Dari segi grafik dia kat Jepun sekarang dah ada 3D. Kat Malaysia tak de lagi 3D.

Moderator: Ha? Tak de 3D? Upin Ipin tu 3D lah.

Izzat: Kat Malaysia tak ni sangat. Kalau macam cerita, cerita apa, Dragonball tu kan, dia punya cerita tu kan, bila kita nak tengok kan hari ni, esok kita nak tengok lagi.

Moderator: Tapi Dragonball tak 3D.

Naqsyabandi: Tu jalan cerita.

Hafiz: Tu jalan cerita.

Izzat: Tersalah bagi idea lah.

Moderator: Takpe, takpe. Apa-apa je, tak kisah.

Izzat: Macam jalan cerita kan, macam dia, bagusnya macam yang first lah, yang bagusnya cerita macam Upin Ipin. Kalau kita tengok sekali tu, lepas tu, kita nak tengok lagi esoknya, tapi kita still nak tengok, apa, yang dia punya episode dia yang sebelum ni. Kalau macam cerita Bola Kampung tu saya tak pasti lah sebab saya jarang tengok cerita tu kan. Macam, yang bagusnya kalau akan datang lah, lebih bagusnya adakan cerita lagi banyak saspem, konflik, lepas tu, macam lebih banyak kepada, apa tu, lagi satu macam, apa nak cakap tadi, dia macam benda yang kita nak tahu, tapi benda tu berlaku secara tiba-tiba. Lepas tu, kita tengok sekali, ok, ini confirm cerita ni sedap, best nak tengok kan.

Shafiee: Membuatkan penonton tertanya-tanya lah? Gitu, lebih kurang maksudnya?

Naqsyabandi: Bagi saya lah, kalau untuk bawak animasi Malaysia ni lebih ke depan, dia kena ada target value lah. Kalau kta tengok animasi Malaysia sekarang, kalau macam Upin Ipin, saya rasa lah, kalau macam, kanak-kanak kat US, diorang takkan faham. Tapi kalau kita tengok animasi US, kanak-kanak kat Malaysia faham. Kenapa? Sebab diorang punya target value, dia buat cerita tu untuk satu dunia yang faham. Tapi kalau kita nak buat kita punya Upin Ipin ni satu dunia tengok, kita kena buat satu cerita yang satu dunia boleh tengok, satu dunia boleh faham apa cerita tu. Dan bukannya sekadar untuk target penduduk Malaysia je nak tengok.

Moderator: Tapi, saya cuma nak probe la, ya. Sebab kalau nak ikutkan cara Jepun mengolah animasi dia, dia sebenarnya tak buat satu dunia faham. Tapi satu dunia nak faham animasi dia. Jadi kalau kita nak kekalkan keunikan budaya Malaysia, macam mana yang, pada pandangan saudara Bandi tadi lah, macam mana kita nak attract orang kalau kita buat content yang general, yang umum, yang semua orang boleh faham?

Naqsyabandi: Saya ambik contoh Dragonball ya. Dragonball, dia memang mengekalkan ciri-ciri Jepun. Dia tengok, bila dia punya pakaian, dia punya tu, tapi dia, bila tentang jalan cerita dia, jalan cerita dia tak de pun menunjukkan macam terlalu orang Jepun je faham. Bagi saya macam tu lah.

Shafiee: Jalan cerita juga lah kiranya.

Moderator: Jalan cerita juga la, ya?

Izzat: Yang kat Malaysia ni saya tak pasti lah kan. Macam kat Jepun, diorang ada keluarkan satu komik macam Dragonball. Dia keluarkan komik dulu, pastu macam orang suka, pastu dia buat cerita tu. Tu yang best tu. Kat Malaysia, still tak de lagi lah.

Shafiee: Adapatasi lah.

Moderator: Adaptasi lah, ya?

Rasul: Adaptasi.

Naqsyabandi: Daripada komik.

Rasul: Saya rasa sebenarnya idea tu banyak, Cuma keupayaan nak melaksanakan idea tu yang terbatas. Mungkin lah, mungkin dari

segi bajet, ataupun peluang-peluang orang yang nak buat cerita tak banyak kat Malaysia. Mungkin lah, itu salah satu.

Moderator: Ok, soalan yang last lah. Kira soalan yang last ya. Ada apa-apa tak yang saudara saudara semua nak cakap? Apa-apa sahaja tentang animasi tempatan.

Shafiee: Bagi saya dia menarik lah.

Moderator: Menarik?

Shafiee: Menarik.

Rasul: Pelbagaikan lagilah, cerita-cerita animasi tempatan, dan mungkin kerajaan patut beri peluang lebih banyak lagi kepada karyawan untuk buat cerita.

Hafiz: Kalau boleh, kat Malaysia ni, dia punya animasi dia last long la, macam tengok apa, Dragonball kan. Daripada dulu lagi dah tengok dah. Macam Upin Ipin ni macam satu masa je, lepas tu dah habis dah.

Rasul: Nak tengok banyak kali pun tengok.

Naqsyabandi: Mungkin boleh diperbanyakkanlah. Setakat sekarang ni, rasanya boleh bilang lah animasi Malaysia. Kalau lagi banyak lagi best ah.

Izzat: Untuk kerajaan, kerajaan patut bukak peluang pada karya yang baru lah. Diorang macam, diorang punya karya, diorang yang buat pastu macam RTM diorang sediakan satu siaran untuk diorang cari yang terbaik kan. Lepas tu just, daripada situ, diorang akan rasa lebih berminat untuk buat karya lagi banyak.

Moderator: Ada apa-apa lagi?

Rasul: Dah lah. Itu saja.